

BAJU KORPORAT DENIM UNTUK KEGUNAAN PELAJAR (MAJLIS PERWAKILAN KOLEJ/PERSATUAN/KELAB)

Baju Korporat Denim Untuk Kegunaan Pelajar (Majlis Perwakilan Kolej/Persatuan/Kelab)

Baju korporat menggunakan fabrik denim lembut berwarna biru gelap telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) ke-806 pada 6 April 2022 seperti yang dimintakan di dalam minit 806.06(f).

Usaha mempelbagai pilihan baju korporat ini telah dibuat bersama Jawatankuasa Pengurusan Universiti bagi memberi pilihan dari segi pemilihan dan pemakaian baju korporat bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan dan sebagai tambahan kepada baju korporat berwarna putih yang sedia ada.

Keterlibatan ahli pengurusan tertinggi Universiti dan warga UPM dengan pelbagai aktiviti luar memerlukan pemakaian pakaian yang lebih selesa dan pada masa yang sama menampakkan keseragaman. Penggunaan baju korporat menggunakan fabrik denim mampu menonjolkan penampilan yang lebih menarik sewaktu terlibat di dalam aktiviti luar.

Ciri Wajib

- Warna Denim Biru Gelap
- Nama
- Lambang Korporat UPM

Ciri Pilihan

- Poket


LELAKI

REKA BENTUK KEMEJA KORPORAT DENIM



WANITA

REKA BENTUK KEMEJA KORPORAT DENIM



Bagi Kemeja Korporat Denim **wanita bertudung**, terdapat **pilihan** untuk **meletakkan Lambang Korporat UPM dan nama di bahagian hadapan ATAU lengan baju (wanita sahaja)**.